

01 JUL 2001

Mahathir-Bumiputera

KELULUSAN TINGGI BOLEH TAMBAH BILANGAN PELAJAR BUMIPUTERA DI IPTA

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jumlah pelajar Bumiputera memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) akan melebihi kuota yang ada jika mereka berusaha mendapatkan kelulusan peperiksaan yang lebih tinggi.

Katanya kerajaan bukan sahaja mahu mempertahankan kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA malah mahu jumlah itu lebih tinggi daripada kuota yang ada.

"Kita hendak naikan tahap kelulusan bagi kemasukan (pelajar Bumiputera) itu daripada yang terlalu rendah ini supaya begitu tinggi dan akhirnya sama dengan kaum lain... mungkin juga kita dapat melebihi kuota kita," katanya semasa sesi dialog selepas menutup Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di Auditorium Kompleks Perdanasiswa di Universiti Malaya di sini hari ini.

Dr Mahathir yang menjawab soalan seorang mahasiswa Universiti Malaya berkata kerajaan tidak akan menghalang kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA walaupun jumlah pelajar Bumiputera akan melebihi kuota yang ditetapkan jika keputusan mereka tinggi.

Katanya kerajaan kini menetapkan kuota 55 peratus bagi Bumiputera dan 45 peratus bagi bukan Bumiputera untuk kemasukan pelajar ke IPTA dan bagi memenuhi kuota Bumiputera itu, kerajaan terpaksa menurunkan tahap kelulusan untuk mereka.

Sebelum itu dalam ucapannya ketika menutup simposium itu, Perdana Menteri berkata kerajaan sukar untuk menaikkan kuota pelajar Bumiputera di IPTA kerana pada masa ini ia hanya boleh dilakukan jika kerajaan menurunkan lagi tahap kelulusan untuk kemasukan bagi membolehkan tambahan kuota itu dipenuhi.

Kerajaan tidak boleh berbuat demikian kerana ia akan menjejaskan kemampuan siswazah apabila mereka menamatkan pengajian dan bekerja.

Sementara itu ketika menjawab soalan daripada seorang penuntut Kolej Tunku Abdul Rahman, Dr Mahathir berkata kerajaan turut memberi bantuan dan layanan kepada pelajar kaum Cina di negara ini.

"Tetapi dalam apa jua... pertolongan diberi kepada mereka yang lemah, kalau tolong mereka yang sudah mampu menjayakan diri mereka, maka yang lemah akan ketinggalan," katanya.

Dr Mahathir berkata umum mengetahui pelajar Bumiputera masih ketinggalan walaupun syarat kemasukan ke universiti dikurangkan tetapi bilangannya masih tidak mencukupi dan sokongan yang lebih perlu diberi kepada mereka.

Katanya peraturan pelajar Bumiputera di IPT termasuk awam, swasta dan luar negara hanyalah 25 peratus berbanding kaum lain dan peraturan itu akan terus menurun sekiranya kerajaan terus beri pertolongan kepada kaum lain.

Kerana ketiadaan tempat yang mencukupi di IPTA, kerajaan membenarkan penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini dan hari ini peluang pelajar Cina untuk mendapat pendidikan di IPT tidaklah terlalu buruk.

Ini kerana mereka berpeluang mendapat pendidikan dalam negara dengan belanja yang lebih murah berbanding di luar negara, jelas Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AFY RZS ZS RON